

CNS5511

R GB 04-08 00162 BH059

Bah

Mahathir - Keselamatan

PEMINDAHAN TEKNOLOGI PERLU DISERTAI CIRI KESELAMATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata setiap pemindahan teknologi perlu disertai dengan ciri-ciri keselamatan dan kesihatan dalam keqhairahan negara menarik pelaburan asing.

Perdana Menteri berkata negara perlu memastikan bahawa kesemua peralatan, bahan dan teknologi yang dibawa masuk selamat digunakan dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

"Dalam keqhairahan kita menarik pelabur-pelabur asing, kita tidak seharusnya lupa kepada ciri-ciri keselamatan dan kesihatan pekerja," katanya ketika melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan 1994, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Beliau berkata tempat kerja yang teratur, kemas dan mempunyai ciri-ciri keselamatan dan kesihatan yang baik akan membolehkan pekerja-pekerja bekerja dengan cekap dan selesa dan seterusnya meningkatkan produktiviti mereka.

Pihak majikan, katanya, harus beringat bahawa jika kemalangan berlaku mereka akan mengalami kerugian disebabkan produktiviti mereka terjejas dan kos-kos lain. -- Lagi

794/93/11-36MST

CNS5514

R GB 04-08 00135 BH061

Bah

Mahathir - Keselamatan 2, Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kerajaan juga terpaksa membiayai kos sampingan walaupun majikan mencarum kepada Perkeso (Pertubuhan Kebajikan Sosial) untuk rawatan dan kerugian mana-mana perusahaan atau perniagaan akan mengurangkan pendapatan kerajaan.

Pekerja itu sendiri sudah tentu akan menghadapi kesengsaraan manakala keluarannya akan hilang tempat berlindung, katanya.

"Kos-kos langsung dan tidak langsung ini akan menurunkan kadar produktiviti dan seterusnya menjadikan barangan kita lebih mahal dan oleh itu daya saing kita di pasaran antarabangsa akan terjejas," tambahnya.

Selain daripada kos, katanya, kualiti juga akan terjejas jika tempat kerja itu bermasalah, khususnya tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan dan kesihatan.

Beliau berkata tenaga kerja mahir yang mengalami kecederaan dan penyakit pekerjaan sudah tentu tidak akan berupaya untuk menghasilkan produk yang berkualiti. -- Lagi

794/93/11-47MST

Bah

Mahathir - Keselamatan 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata pengambilan pekerja-pekerja baru akan memerlukan perbelanjaan tambahan bagi melatih mereka supaya mahir.

Malaysia kini menjadi syurga bagi pekerja kerana lebih sejuta rakyat asing datang untuk bekerja dan bagi rakyat tempatan peluang kerja begitu banyak sehingga mereka boleh memilih kerja, katanya.

Dr Mahathir berkata majikan pula terpaksa menawar upah yang semakin tinggi kerana berebut untuk mendapatkan pekerja yang tidak ramai.

"Dalam keadaan ini pekerja yang untung. Keuntungan ini didapati tanpa tindakan perusahaan, tanpa merosak jentera pengeluaran atau mengurangkan daya pengeluaran," katanya.

Perdana Menteri mengulangi kenyataannya bahawa adalah mengecewakan kerana dalam usaha negara meningkatkan taraf keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, isu-isu berkaitan dengan piawaian perburuhan telah dibangkitkan oleh negara-negara maju. -- Laqi

04/08/12-06MST

R GB 04-08 00148 BH063

Bah

Mahathir - Keselamatan 4 Kuala Lumpur

Beliau berkata mereka mengaitkan "social clause" dalam piawaian perburuhan dengan perdagangan antarabangsa dan cuba memaksa negara-negara membangun patuh kepada peraturan ciptaan mereka.

"Bukanlah niat kita untuk mengeksploitasi pekerja tetapi hakikatnya ialah social clause mereka hanya akan menambah kos pengeluaran tanpa membawa manfaat yang lebih kepada pekerja," katanya.

Dr Mahathir berkata jika kos pengeluaran negara ini meningkat, barangannya tidak akan dapat bersaing dengan jayanya dengan barangan mereka dan akhirnya industri tempatan tidak berkembang, peluang pekerjaan berkurangan, pengangguran wujud dan segala keistimewaan "social clause" tidak akan dirasai sama sekali.

Beliau kemudian menyampaikan Anugerah Tokoh Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada bekas Ketua Pengarah Jabatan Kilang dan Jentera, Abdul Jalil Mahmood.

Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi kategori industri besar dimenangi oleh Hitachi Semi-conductor Sdn Bhd dari Pulau Pinang. -- Laqi

04/08/12-23MST

CNS5573

R GB 04-08 00137 BH067

Bah

Mahathir - Keselamatan 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Terdahulu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek berkata kerajaan sentiasa memandang berat aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Langkah-langkah yang diambil termasuk menubuhkan Majlis Penasihat Keselamatan dan Kesihatan Kerja pada 1985, menubuhkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara pada 1992 dan menggantikan Akta Kilang dan Jentera 1967 dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, katanya.

Lim berkata undang-undang sahaja tidak mencukupi malah kesedaran dan komitmen di kalangan majikan dan pekerja adalah amat penting ke arah membudayakan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tema kempen ialah "Ke Arah Budaya Kerja Selamat dan Sihat" dan aktiviti-aktiviti bagi kempen sebulan itu meliputi ceramah, pertandingan poster dan pameran.

Kira-kira 2,000 majikan dan pekerja menghadiri majlis pelancaran itu.

-- Bernama.

JM ORA